

Buletin

Sya'ban - Ramadhan 1443 / April 2022

ACIS

APA ITU PELABURAN SAHAM?



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Siti Aishah binti Sokhibul Fadil
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Ros Amira bt Mohd Ruslan
Nuruul Hidayah Mansor
Siti Saufirah Mohd Tahir

Suhaila Sharil & Nur Faathinah Mohd Roshdan

Penerbit:

Akademi Pengajaran Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS** siri ke-42 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah “**Apa Itu Pelaburan Saham**”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Apa Itu Pelaburan Saham **3**

Kewajipan Zakat Pertanian **7**

Tazkirah : Percaya pada rezeki Allah **8**

Program Santunan Anak-Anak Yatim **10**

HAKCIPTA TERPELIHARA

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau apa-apa hasil karya?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Apa Itu Pelaburan Saham?

Oleh:

Ros Amira bt Mohd Ruslan

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Pelaburan merupakan suatu kegiatan melaburkan modal seperti wang dalam sesebuah perniagaan untuk mendapatkan sejumlah keuntungan atau manfaat seperti dalam bentuk bayaran faedah, pendapatan, penambahan nilai instrumen kewangan atau aset mereka, setelah melaburkan modal dalam sesebuah perniagaan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Saham pula merupakan syer atau sekuriti yang mewakili sebahagian modal pemilikan dalam sesebuah perniagaan. Saham merupakan pinjaman dari bahasa Arab "sahm" iaitu bermaksud perkongsian dan pembahagian (Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri, 2009). Seseorang yang mempunyai syer dalam sesebuah perniagaan tersebut dipanggil pemegang saham kerana menanamkan modal untuk dilaburkan. Saham boleh dibeli dan dijual melalui Bursa Malaysia atau secara persendirian. Urus niaga saham tersebut biasanya akan dijaga dan diatur oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk mencegah sebarang penipuan dari berlaku dan melindungi para pelabur.

Oleh yang demikian, perkataan "pelaburan saham" boleh ditakrifkan sebagai aktiviti pembelian saham di sesebuah syarikat dalam jumlah yang kecil atau jumlah yang besar bergantung kepada wang atau modal yang pelabur miliki. Selepas urusniaga saham selesai, skrip saham dan dokumen rasmi yang berkaitan dengan transaksi saham tersebut akan diberikan kepada setiap pelabur sebagai pengesahan pemilikannya oleh Bursa Malaysia melalui akaun "Depository System" (CDS) mereka.

"Cash Depository System" (CDS) dan "Trading Account" (TA) merupakan dua akaun wajib untuk para pelabur buka apabila ingin memulakan aktiviti pelaburan saham. Ia menjadi tunjang kepada para pelabur sebelum mereka memulakan pembelian unit saham dari syarikat pelaburan saham. Proses untuk memulakan penglibatan sebagai pelabur di dalam dunia saham bermula dengan para pelabur dikehendaki mengenalpasti syarikat broker patuh syariah di laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Langkah kedua ialah para pelabur hendaklah mengambil maklumat institusi broker tersebut seperti nombor telefon dan alamat premis broker tersebut.

Langkah ketiga pula, para pelabur bolehlah mengunjungi syarikat broker untuk berjumpa terlebih dahulu "dealer broker" bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai saham. Selepas itu, para pelabur boleh membuka dua akaun utama iaitu "Cash Depository System" (CDS) dan "Trading Account" (TA).

CDS berfungsi sebagai tempat penyimpanan semua dokumen penting yang berkaitan dengan pembelian saham yang telah dibuat oleh para pelabur manakala TA pula berperanan sebagai platform transaksi perdagangan dan pembelian saham berlangsung.



Setelah mendapatkan pengesahan pembukaan akaun dari Bursa Malaysia menerusi syarikat broker ataupun telefon, para pelabur bolehlah membuka atau mendaftar akaun CDS tersebut secara atas talian supaya urusniaga saham dapat dilakukan walau di mana jua mereka berada. Mereka juga dikehendaki untuk meletakkan dahulu modal pembelian unit saham di dalam TA.

Di Malaysia khususnya, terdapat dua jenis saham yang ditawarkan, iaitu saham konvensional dan saham patuh syariah. Pelaburan saham konvensional ialah pelaburan saham yang mempunyai nilai-nilai unsur yang haram di dalam Islam dan tidak diluluskan oleh syariah, maka pelaburan saham jenis konvensional ini perlu dielakkan kerana haram untuk umat Islam membelinya. Manakala bagi pelaburan saham yang patuh syariah terbuka untuk orang yang beragama Islam dan kepada umum yang berminat. Pelaburan patuh syariah ini amat digalakkan untuk umat Islam yang ingin melabur kerana pelaburan saham seperti ini tidak mempunyai unsur riba, ketidakpastian, perjudian dan unsur haram yang lain. Oleh itu, umat Islam yang ingin membeli saham perlulah membeli saham di institusi kewangan atau pelaburan yang patuh syariah.

Ciri-ciri pasaran saham konvensional dan syariah acap kali menjadi satu kekeliruan kepada umum, terutamanya kepada para pelabur yang baru menceburi urusniaga dan pembelian saham. Mereka kurang mahir dalam membezakan pasaran saham yang boleh dibeli sahamnya dan pasaran saham yang dilarang. Justeru, pasaran saham atau pasaran ekuiti di Malaysia boleh dipecahkan kepada dua jenis iaitu pasaran saham konvensional dan juga pasaran saham patuh syariah (Idham Razak , 2021).

Pelaburan patuh syariah secara asasnya boleh ditafsirkan sebagai saham dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan ataupun broker pelaburan yang bersih daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan syarak iaitu ia mestilah bebas daripada elemen riba dan gharar (ketidakpastian). Sesebuah pasaran saham boleh dianggap Pasaran Saham Islam (PSI) apabila ia menjalankan aktiviti jual-beli saham yang tidak bercanggah dengan pegangan umat Islam (Yahya Hussin dan Joni Borhan, 2009).

Sehubungan dengan itu, Pasaran Saham Islam wajib mengaplikasikan perundangan atau syariat Islam ketika berurus niaga. Hal ini bermaksud perniagaan saham tersebut wajiblah bebas daripada penglibatan aktiviti yang dilarang oleh Islam terutamanya aktiviti perjudian (Suruhanjaya Sekuriti, 2007). Tambahan lagi, syarikat saham yang patuh syariah ialah syarikat yang menjalankan perniagaan dalam lingkungan dan tatacara yang bertepatan dengan muamalat Islam.

Syarikat pelaburan saham Islam akan memberikan penekanan dan tumpuan utama dalam memastikan transaksi jual beli saham tersebut bebas daripada elemen-elemen seperti jualan singkat, manipulasi pasaran, dagangan orang dalaman, dagangan kontra, dagangan margin, perjudian dan aktiviti yang tidak beretika (Sabri Harun, 2009). Berdasarkan pernyataan tersebut, jelas menunjukkan jual beli saham yang melibatkan transaksi kontra adalah tidak dibenarkan kerana ianya tidak patuh syariah. Transaksi kontra boleh berlaku apabila pelabur membeli unit saham walaupun tiada wang yang cukup di dalam akaun transaksi dan terdapat juga perbezaan antara harga jualan dan belian (Mohd Salleh, 1996). Mereka membeli saham dengan anggapan semata-mata, iaitu menganggap harga saham yang dibelinya akan naik sebelum sampai hari wajib bayar (Zaharuddin, 2016). Pelabur Islam wajib melakukan urusniaga saham secara patuh syariah kerana ia merupakan tuntutan agama serta mendatangkan lebih banyak kebaikan daripada kemudarat.

Seterusnya, ciri-ciri saham yang tidak patuh syariah pula adalah apabila wujudnya transaksi perniagaan saham yang dijalankan tidak berkonsepkan keadilan dan kejujuran. Hal ini kerana, transaksi tersebut akan melibatkan urusniaga barang atau perkhidmatan secara penindasan dan kesamaran (Ahmad N.A., Abdul Aziz & Bahari, 2020). Tambahan lagi, ciri lain untuk pelaburan saham yang tidak patuh syariah ialah penglibatan syarikat saham di dalam transaksi yang boleh membinaaskan kehidupan manusia seperti penjualan rokok dan arak. Hukum mengenai arak mempunyai dalil pengharamannya di dalam al-Quran kerana ia memabukkan dan memberi mudarat jangka panjang kepada individu yang mengambilnya. Pengharaman arak termasuk kepada setiap individu yang terlibat sama dalam penghasilan, penghantaran, penjualan maupun yang menghidangkan arak (Hussin Salamon, 2009).

Selain itu, Islam juga melarang membeli unit saham dari syarikat yang mempunyai unsur *maysir* (manipulasi) dan *qimar* (perjudian). Hal ini demikian, manipulasi jualan dan perjudian akan menyebabkan penindasan di mana setiap taruhan yang dilakukan hanya akan memberikan keuntungan kepada satu pihak sahaja manakala pihak lainnya mengalami kerugian (Azlin Ahmad & Ilyana Adnan, 2017). Keuntungan dan kerugian yang dialami bergantung kepada nasib semata-mata dan bukan berunsurkan *musyarakah* iaitu perkongsian keuntungan dan kerugian secara bersama oleh kedua-dua pihak (Abu Ghuddah, 2006). Di samping itu, Pasaran Modal Islam telah menggariskan beberapa panduan asas yang boleh menjadi penanda aras kepada para pelabur. Terdapat tujuh kegiatan yang menjadikan sesebuah syarikat pelaburan itu tidak patuh syariah iaitu kegiatan *al-tanajusy* (manipulasi), kegiatan yang mempunyai unsur *al-gharar* (ketidakpastian), kegiatan *tadlis al-Aib* (menyembunyikan kecacatan), kegiatan *al-ghabn* (kurang), kegiatan *al-ghalat* (kesilapan atau penerima akad yang membuat tanggapan salah terhadap akad) dan kegiatan *al-maisir* (perjudian). Oleh itu, kewujudan tujuh larangan ini di dalam mana-mana pasaran saham mestilah dihindari oleh umat Islam kerana ianya jelas bertentangan dengan apa yang dibenarkan dalam Islam (Azlin Ahmad et al, 2017). Para pelabur Islam wajiblah menjauhkan diri daripada membeli atau menjual saham di syarikat yang menjalankan urusniaga yang tidak halal dan ditegah dalam Islam.

Hukum melakukan pelaburan saham menurut syariat Islam ialah harus. Hal ini bermaksud, umat Islam dibenarkan untuk terlibat sama di dalam aktiviti urusniaga dan pembelian saham secara aktif. Penetapan hukum penglibatan di dalam aktiviti pelaburan saham ini telah dirujuk melalui pendapat Imam al-Suyuthi "Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehingga datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman perkara tersebut".

Namun begitu, terdapat syarat utama yang perlu dititikberatkan sebelum kegiatan pelaburan saham tersebut menjadi harus. Syarat utama pelaburan saham yang dibenarkan dalam Islam ialah pelabur hanya melabur di dalam syarikat pelaburan yang patuh syariah. Perkara ini amatlah penting bahkan menjadi suatu kewajipan terutamanya kepada para pelabur Islam sebelum memulakan pembelian saham. Hal ini kerana, pelaburan yang patuh syariah ialah pelaburan yang bebas daripada unsur-unsur yang ditegah dalam Islam seperti riba, perjudian, jualan manipulasi maupun ketidakpastian (Farhan, 2020). Unsur-unsur tersebut telah dinyatakan oleh Allah SWT pengharamannya secara jelas di dalam al-Quran. Sebagai contoh, Allah SWT telah melarang umat Islam untuk terlibat di dalam urusniaga yang mempunyai unsur riba di dalam surah al-Baqarah ayat 275 bermaksud "Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli dan mengharamkan riba".

Sehubungan dengan itu, umat Islam wajib menjauhkan diri mereka daripada melakukan pelaburan saham yang tidak patuh syariah dengan mengambil kira panduan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Dengan berbuat demikian, barulah kegiatan pelaburan saham menjadi harus dan digalakkan kerana boleh mendatangkan kesenangan dan keuntungan kepada mereka yang terlibat di dalam dunia saham.

Selain itu, isu kekeliruan mengenai hukum penggunaan perantara di dalam urusniaga saham sama ada ia diharuskan atau ditegah dalam Islam telah menjadi satu persoalan kepada umum. Realitinya dalam Islam, hukum menggunakan perantara dalam urusniaga saham adalah dibolehkan akan tetapi ia mestilah patuh dengan syarat yang ditetapkan iaitu tidak terlibat dengan riba dan aktiviti haram lain (Mu'tashim, 2021). Oleh itu, selagi perantara tersebut menawarkan perkhidmatan perantaraan yang patuh Syariah (Broker Islam), maka ia dibenarkan (Muhd Farhan, 2020). Penggunaan perantara juga dibolehkan apabila adanya perjanjian bertulis atau lisan seperti kontrak yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Hal ini dapat membuktikan transaksi jual beli saham antara perantara dan pelabur itu adalah sah (Mirnawati, 2019).

Hukum menggunakan perantara ini adalah harus sekiranya menepati dengan 2 syarat iaitu halal dari segi cara jual beli saham dan halal dari segi pusat penjualan sahamnya. Larangan jual beli saham iaitu riba, penipuan, maisir (perjudian) dan sebagainya merupakan contoh larangan yang diharamkan dalam jual beli saham (Muhammad Syamsudin, 2020). Justeru hukum menggunakan perantara dalam urusniaga saham adalah harus selagi mana saham yang dibeli pelabur adalah dari kaunter saham yang patuh Syariah. Kaunter saham Islam wajiblah dipilih oleh pelabur Islam kerana jika pembelian dilakukan di kaunter konvensional, pulangan saham tersebut akan menjadi haram kerana wang pelaburan tersebut telah bercampur dengan wang pelaburan yang haram (Nazrich, 2019).

Tambahan pula, hukum mengenakan kos upah kepada individu yang menggunakan khidmat perantara di dalam jual beli saham juga dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, penjual saham, perantara dan pelabur saham wajiblah bersetuju bahawa perantara akan menerima upah daripada penjual saham atau pelabur atau daripada kedua-duanya sekali dengan kadar upah yang tertentu (Ichwan Muslim, 2021). Sekiranya tiada perjanjian antara mereka, perantara haruslah diletakkan di bawah orang yang mengarahkannya iaitu penjual saham. Jika pelabur pula yang menggunakan khidmat perantara, maka upah adalah dibawanya. Begitu juga, jika kedua-dua penjual saham dan pelabur menjadikannya sebagai orang tengah, maka upah datang dari mereka berdua (Cheryl Mikayla, 2018).

Selain itu, upah juga dibenarkan kepada perantara apabila kedua-dua pihak bersetuju iaitu antara perantara dan pelabur saham. Akan tetapi, sekiranya pelabur tidak mengetahui cas upah yang dikenakan oleh perantara, maka ianya tidak dibenarkan (Muhammad Abdur Tuasikal, 2011). Upah perantara boleh dikenakan kepada penjual saham atau pelabur, bergantung kepada perjanjian atau peraturan yang berlaku dalam komuniti. Pada awalnya, tanggungjawab upah si perantara adalah dibawah tanggungan penjual saham, akan tetapi sekiranya pelabur/pembeli yang meminta untuk menggunakan perantara, maka ia adalah dibawah tanggungan pelabur/pembeli saham (Ammi Nur Baits, 2018). Perantara saham dan cas upah dapat memberi manfaat kepada pelabur, penjual saham dan perantara saham, maka ia dibolehkan dalam Islam (Damanhuri Zuhri, 2013).

Di dalam urusniaga saham, terdapat dua cara pembelian saham iaitu secara serta-merta atau tangguh. Urusniaga saham secara serta-merta ini menjadi harus kerana adanya transaksi jual beli mata wang asing yang kemudiannya disimpan serta ianya akan dijual semula apabila harga pertukarannya telah meningkat (Mohd Zaki ,2012). Namun begitu, pada pendapat kebanyakan sarjana Islam pula, urusniaga serta-merta ini dibenarkan dalam Islam kerana ia telah memenuhi beberapa syarat *al-sarf* iaitu *taqabud* (pemilikan) di mana tiada *khiyar syarat* dan tiada yang bertangguh dalam transaksi tersebut (Wan Mariani, 2014). Selain itu, bagi urusniaga bertangguh pula hukumnya ialah tidak harus kerana terdapat penangguhan dalam penyerahan harga dan barang oleh kedua-dua belah pihak (Mohamad Sabri Haron, 2001). Begitu juga jika wujudnya unsur riba di dalam urusniaga saham, maka urusniaga ini tidak boleh berlaku sama sekali (Mohd Zaki Zainol, 2012). Oleh yang demikian, melakukan urusniaga secara bertangguh mengikut kesepakatan para sarjana Islam ialah tidak dibenarkan apabila penjualan saham kali kedua dikenakan syarat dalam kontrak penjualan saham yang pertama iaitu kedua-dua pihak yang berkontrak menunjukkan dengan jelas motif untuk melaksanakan *hilah rabawiyyah* (satu kaedah untuk mengelak/ menukar apa yang dilarang dalam Islam kepada perkara yang dibenarkan dengan cara rasmi) dalam jual beli (Dr Azizi Abu Bakar, 2009).

Seterusnya, bentuk saham yang diperdagangkan di Bursa Malaysia terbahagi kepada dua iaitu bentuk biasa dan bentuk istimewa. Hukum pelaksanaan pelaburan dalam saham biasa adalah diharuskan mengikut syarak kerana tiada unsur penindasan. Hal ini kerana pulangan dividen saham biasa kepada para pelabur akan berubah-ubah berdasarkan keuntungan syarikat bukannya tetap iaitu tanpa mengira keuntungan atau kerugian syarikat tersebut sehingga wujudnya ketidakadilan (Radiah Abdul Kader, 2001).

Jika seseorang melabur di dalam sesebuah syarikat, pelabur saham tersebut berhak menerima hak mereka seperti kuasa mengundi, mengetahui aktiviti perniagaan syarikat dan memperoleh keuntungan nilai yang setaraf mengikut nilai nominal dan sama rata antara satu sama lain mengikut kadar sumbangan pelabur kepada syarikat tersebut. Hukum melakukan pelaburan saham bentuk istimewa pula adalah tidak harus atau haram apabila wujudnya unsur-unsur tertentu antaranya apabila nilai pulangan dividen tidak dibahagikan sama rata antara pemegang saham. Selain itu, saham istimewa juga terdedah dengan risiko rugi dan untung serta mengetepikan keadilan dalam pembahagian hak kepada para pelaburnya (Prof Madya Dr Mohamad Sabri, 2009). Saham istimewa juga bertentangan dengan konsep asas kontrak musyarakah iaitu penjual dan pelabur saham sepatutnya menanggung untung dan rugi syarikat bersama-sama. Justeru, tiada jaminan keuntungan terhadap para pelabur saham biasa apabila syarikat tersebut mempunyai pelabur saham biasa dan saham istimewa di dalam urusniaga saham (Azman Noor, 2018).

Namun begitu, walaupun terdapat perselisihan dalam kalangan para cendekiawan tempatan dan ulama Timur Tengah mengenai konsep yang diguna pakai dalam saham istimewa, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berpendapat bahawa penggunaan saham istimewa diharuskan dalam pasaran lantaran tiada dalil syarak yang kukuh yang boleh dijadikan sandaran untuk mengharamkan penggunaannya (Marina & Dr. Shofian, 2017). Alternatif kepada isu ini adalah konsep tanazul dan hibah telah diperkenalkan oleh ulama kontemporari di dalam saham istimewa konvensional iaitu di dalam kategori saham istimewa bukan kumalatif sahaja (Azman Mod Noor & Muhammad Najib, 2018). Pelabur Islam dilarang sama sekali untuk melanggar saham istimewa kerana mempunyai unsur penindasan, ketidakpastian dan tiada unsur musyarakah.

Kesimpulannya, umat Islam perlulah bijak dalam melakukan pemilihan dalam memilih pelaburan yang patuh syariah. Terdapat banyak institusi-institusi pelaburan saham patuh syariah yang ditawarkan di Malaysia. Kita boleh membeli dan memilih pelaburan saham di Bursa Malaysia yang telah menawarkan dan menyenaraikan pelbagai institusi pelaburan termasuk pelaburan saham patuh syariah. Pelaburan saham di Bursa Malaysia adalah boleh dipercayai kerana setiap urus niaga pelaburan telah disemak maka pelabur yang melakukan pelaburan tidak perlu risau dengan wang yang dilabur melalui Bursa Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad, N. A., Abdul Aziz, A. H., & Bahari, Z. (2020). Perkembangan Industri Pelaburan Saham Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Jun 2020. Akses pada 26 November 2021 dari <http://www.jised.com/pdf/jised-2020-29-06- 10.pdf>
- Asri Ahmad. (2016) Apa Itu Saham. Laman Web Rasmi Asri Ahmad Akademi. 24 Disember 2016. Akses pada 5 Januari 2022 dari <https://www.asriahmadacademy.com/apa-itu-saham/>
- Azlin Alisa Ahmad & Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2017). Isu Spekulasi Dan Perjudian Dalam Urus Niaga Saham Secara Kontra. *Journal Islamiyyat* 39(2). 22 Julai 2018. Akses pada 26 November 2021 dari <http://journalarticle.ukm.my/11932/1/22608-67928-1-pb.pdf>

- Bakar, M. A., & Ahmad, D. S. (2017). Al-Tanazul Dalam Saham Keutamaan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 37. Julai 2017. Akses pada 26 November 2021 dari <http://www.jised.com/pdf/jised-2017-04-06-07.pdf>
- Bursa Malaysia (2021). Ekuiti. Laman Web Rasmi Bursa Malaysia. Januari 2021. Akses pada 22 November 2021 dari https://www.bursamalaysia.com/bm/trade/our_products_services/equities/shares
- Bursa Malaysia (2021). Kaedah Penyaringan Syariah. Laman Web Rasmi Bursa Malaysia. Januari 2022. Akses pada 4 Januari 2022 dari https://www.bursamalaysia.com/bm/trade/our_products_services/islamic_market/shariah_governance/shariah_screening_methodology
- Damanhuri Zuhri (2013). Hukum Komisi Transaksi. *Republika Online*. 28 Mei 2013. Akses pada 24 November 2021 dari <https://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/fatwa/13/05/28/mnhnen-hukum-komisi-transaksi>
- Dr. Azillah Bt. Mohd Ali. (2014). Merokok. Laman Web Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia. 25 Jun 2014. Akses pada 5 Januari 2022 dari <http://www.myhealth.gov.my/merokok/>
- Dr Azizi Abu Bakar. (2009). "Pelaksanaan Bay-Inah Dalam Pembiayaan Peribadi (Personal Loan) Di Malaysia". Kertas Kerja Persidangan. Universiti Utara Malaysia. Kedah. 1-3 jun 2009. Akses pada 7 Disember 2021 dari http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1166/1/azizi_abu_bakar.pdf
- Dr. Zaharuddin Abd Rahman & Dr. Aznan Hassan. (2011). "Musharakah: Isu Jaminan Perlindungan Modal Dan Pengukuhan Kredit". Kertas Kerja Persidangan. International Islamic University Malaysia. Kuala Lumpur. 14 September 2011. Akses pada 23 November 2021 dari https://www.researchgate.net/profile/zaharuddin-abdul-rahman/publication/283298426_musharakah_isu_jaminan_perlindungan_modal_dan_pengukuhan_kredit/links/5631a08208ae3de9381d0c66/musharakah-isu-jaminan-perlindungan-modaldan-pengukuhan-kredit.pdf
- Dr. Zulkifli Bin Mohammad Al-Bakri. (2012). Riba: Perspektif Tasawuf. *Jurnal Bank Muamalat*. 6 Januari 2012. akses pada 4 januari 2022 dari <https://www.muamalat.com.my/downloads/media-room/publications/riba-tasawuf-web.pdf>
- Eza. (2018). Bagaimana Nak Tentukan Sesuatu Saham Itu Patuh Syariah Atau Tidak. 19 Januari 2018. Akses pada 4 Januari 2022 dari <https://www.majalahlabur.com/saham/bagaimana-nak-tentukan-sesuatu-saham-itu-patuh-syariah-atau-tidak/>
- Farhan, M. (2020). Bayan Linnas Siri Ke-228: Pelaburan Patuh Syariah Di Bursa Malaysia- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 6 Mei 2020. Akses pada 25 November 2021 dari https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan_linnas/4501-bayan-linnas-siri-ke-228-pelaburan-patuh-syariah-di-%e2%80%8c
- Fikri Bahrudin. (2018). "Tahap Kesedaran Dalam Pelaburan Patuh Shariah Berbanding Pelaburan Tidak Patuh Shariah: Kajian Terhadap Staf Uitm Puncak Alam". Kertas Kerja Tesis. Universiti Teknologi Mara Puncak Alam. Selangor. 30 Jun 2018. Akses pada 22 November 2021 dari https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/23410/1/ppb_muhammad%20fikri%20bahrudin%20aci%20b%2018_5.pdf
- Haron, M. S. (2001). Aktiviti Urusniaga Saham Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Umum* Bil. 2. Akses pada 25 November 2021 dari http://journalarticle.ukm.my/1711/1/malim_v.2_%2C2_2001.pdf
- Hussin Salamon. (2009). Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara. *Jurnal Teknologi* 50(1). Jun 2009. Akses pada 25 November 2021 dari https://www.researchgate.net/publication/45171606_perkembangan_pasaran_modal_islam_dalam_pembangunan_ekonomi_negara
- Ichwan Muslim. (2021). Fikih Ringkas Seputar Profesi Broker Atau Makelar. 17 Julai 2021. Akses pada 24 November 2021 dari <https://muslim.or.id/66697-fikih-ringkas-seputar-profesi-broker-atau-makelar.html>
- Idham Razak. (2021). Nak Melabur Dalam Pasaran Saham Patuh Syariah Di Bursa Malaysia? Ini Kriteria Dan Cara Kenalinya. 27 Julai 2021. Akses pada 24 November 2021 dari <https://www.iproperty.com.my/guides/kenali-kriteria-saham-patuh-syariah-bursa-malaysia/>
- Institutions, C. A. (2015). Shari'ah Standards. In C. A. Institutions, Shari'ah Standards. Bahrain: Dar Al Maiman for Publishing & Distributing.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.(2010). Maksud Pelaburan. Laman Web Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu @PRPM. Januari 2010. Akses pada 22 November 2021 dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pelaburan&d=102572&>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Maksud Saham. Laman Web Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ PRPM. Januari 2010. Akses pada 4 Januari 2022 dari <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=saham>
- Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron. (2009). "Saham: Isu Dan Permasalahannya Dalam Konteks Malaysia". Kertas Kerja Seminar Pasaran Modal Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya. Mei 2009. Akses pada 20 November 2021 dari http://emuamalat.islam.gov.my/images/kertas-persidangan/seminar-pasaran-modal-islam-2009/dr_sabriilim.pdf

KEWAJIPAN ZAKAT PERTANIAN

Oleh:

Nuruul Hidayah Mansor

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Al-Quran dan hadis banyak membincangkan hal berkaitan zakat pertanian sama ada untuk menjelaskan hukum atau melaksanakan ibadat di samping membicarakan soal keperluan makanan yang menjadi asas kepada kehidupan manusia. Hasil tanaman yang menepati syarat wajib zakat pertanian iaitu cukup haul dan nisab akan dikenakan zakat pertanian bagi memenuhi tuntutan rukun Islam yang lima serta beroleh kesucian dan keberkatan rezeki yang dikurniakan Allah SWT.

Di Malaysia, pertanian merupakan sektor penting yang memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Tanaman di Malaysia merangkumi tanaman buah-buahan, tanaman sayur-sayuran dan tanaman ladang, tanaman industri, tanaman herba dan rempah ratus serta tanaman makanan asasi iaitu padi (Jabatan Pertanian, 2021).

Zakat tanaman yang diwajibkan ke atas hasil pertanian turut dikenali juga dengan pelbagai istilah dimana ia seluruhnya merujuk kepada maksud dan matlamat yang sama iaitu mengeluarkan kadar yang tertentu daripada hasil tanaman yang tertentu yang mencukupi syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan-golongan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak.

Zakat tanaman menurut mazhab Hanafi dikenali dengan 'usyr, manakala dalam kalangan mazhab Syafi'e dan Maliki pula dikenali dengan zakat *al-zuru' wa al-Thimar* serta terdapat juga golongan yang menyebutnya dengan kalimah *al-Mu`asshirat* atau *al-nabat*.

Kewajipan melaksanakan zakat pertanian merujuk kepada Firman Allah S.W.T maksudnya: "dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan tidak berjunjung, pohon kurma, hasil tanaman yang beraneka jenis rasanya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Makanlah buahnya apabila berbuah dan bayarlah kewajipan zakat pada hari memetik hasil" Surah al-An'am (4):141. Diriwayatkan juga oleh Muslim dan Abu Dawud dari Jabir bahwasanya beliau mendengar Nabi Muhammad S.A.W maksudnya: Kadar zakat tanam-tanaman yang disirami air sungai dan hujan ialah 1/10 dan tanam-tanaman yang disirami menggunakan tenaga ialah 1/20.

Ayat tersebut jelas menunjukkan kewajipan melaksanakan zakat ke atas hasil tanaman yang tumbuh dari perut bumi apabila telah cukup kadar nisabnya walaupun terdapat perbezaan pendapat para fuqaha berkaitan jenis tanaman yang diwajibkan zakat.

Pandangan	Ciri Tanaman dikenakan zakat	Contoh Jenis tanaman
Ibn Abi Laila, Sufyan al-Thauri dan Ibn al-Mubarak, Ibn al-Mundzair Ibn `Abd al-Bar dan Abu `Ubaiyd	Empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja	Gandum, barli, tamar dan zabib (kismis)
Imam Malik dan Imam Syafi'i	Makanan utama yang mengenyangkan dan boleh disimpan lama	Gandum, barli, jagung, padi dan seumpamanya yang mengikut kebiasaan setempat
Ahmad Ibn Hanbal	Hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat	Gandum, barli, jagung, padi, kacang peas, kacang putih, rempah seperti jintan dan cengkeh
Abu Hanifah, dan Abu Yusuf	Apa sahaja yang dihasilkan daripada bumi sama ada banyak atau sedikit	Semua makanan atau rumput rampai

Perbezaan pandangan ini hakikatnya menggambarkan bahawa setiap para fuqaha' menentukan kewajipan zakat pertanian ke atas jenis tanaman yang berbeza dipengaruhi oleh persekitaran '*uruf* (adat kebiasaan) dari pelbagai sudut termasuklah makanan asasi penduduk khususnya.

SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT PERTANIAN

Hasil pertanian dan hasil galian logam tidak disyaratkan melalui tempoh *hawl* kerana hasil pengeluaran tanaman adalah dalam bentuk musim dan jumlah hasil. Pengecualian syarat cukup *hawl* ini merujuk kepada ayat al-Quran Surah al-An'am (6) ayat 141 bermaksud "...makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya..."

Justeru, syarat wajib bagi zakat pertanian adalah:

1. Beragama Islam
2. Pemilikan Sebenar (al-Milk al-Tam)
3. Harta yang subur
4. Cukup Nisab

Kaedah asas cukup nisab pertanian ialah lima *ausuq* pada zaman Rasulullah S.A.W yang bersandarkan kepada hadis sahih dari Abu Said maksudnya: "Tidak wajib zakat pada yang kurang daripada 5 *ausuq*".

Asas ukuran 5 *ausuq* dalam gantang pada zaman Rasulullah S.A.W adalah bersamaan dengan 300 gantang Madinah. Menurut al-Qaradawi, hadis tersebut merupakan satu arahan yang berdasarkan realiti bahawa penduduk Madinah terdiri daripada para petani. Mereka banyak menggunakan sukatan dan lebih maju dalam metode tersebut. Sementara penduduk Makkah pula terdiri daripada ahli-ahli perniagaan. Justeru zakat ke atas hasil pertanian disukat dengan mengikut sukatan gantang telah digunakan secara tradisi sejak zaman Nabi S.A.W, sahabat dan tabi'in iaitu dengan kadar lima *ausaq* setelah hasil tersebut dibersihkan atau dibuang kulitnya.

KADAR ZAKAT PERTANIAN

Tanam-tanaman dan pokok buah-buahan yang hidup dengan air hujan atau air sungai dan tidak memerlukan perbelanjaan atau tenaga pemiliknya, zakat yang wajib dikeluarkan apabila cukup nisabnya ialah satu persepuhluh (1/10). Sekiranya tanam-tanaman dan buah-buahan tersebut disiram menggunakan alat penyiram dan sebagainya yang memerlukan tenaga dan perbelanjaan, maka kadar zakatnya ialah 1/20.

Kesimpulannya, zakat merupakan tuntutan syariat yang telah termaktub secara jelas dalam nas-nas syariat Islam. Terdapat pelbagai jenis harta yang dikenakan zakat termasuklah hasil pertanian. Islam telah menetapkan garis panduan pengeluaran zakat pertanian yang merangkumi nisab, kadar dan jenis tanaman yang diwajibkan zakat dengan tujuan untuk mengembangkan lagi harta tersebut melalui perkongsian kekayaan bersama umat Islam yang lain.



PERCAYA PADA REZEKI ALLAH

Oleh:

Siti Saufirah Mohd Tahir

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Allah menentukan kadar rezeki dengan kehendak-Nya yang sebahagian daripada kehendak-Nya itu dikaitkan dengan peraturan alam yang Dia tetapkan. Sesiapa yang keluar mencari rezeki dengan memenuhi percaturan alam ini maka Dia membuka jalan rezeki untuk hamba itu. Sesiapa yang tidak berusaha, maka tiada rezeki untuknya. Walaubagaimanapun Allah boleh melakukan dengan kehendak-Nya luar daripada kebiasaan percaturan alam. Maka tidak mustahil ada yang memenuhi peraturan alam tidak mendapat rezeki sementara yang tidak berusaha tiba-tiba hadir untuknya rezeki tertentu. Kuasa Allah merentasi segalanya.

Maka jangan hairan jika si miskin tidur lena dalam rumah buruknya, si kaya pula kegelisahan dalam banglo mewahnya. Jangan hairan jika rakyat bawahan makan dengan sedapnya, sementara raja dan menteri hilang seleranya. Jangan hairan jika ilmuwan lebih dihormati daripada menteri. Rezeki itu pelbagai, yang dikurniakan makanan, belum tentu dikurniakan selera. Maka, janganlah kita melihat rezeki itu hanya pada satu sudut semata sehingga kita merasa rezeki kita kurang dalam semua sudut dibandingkan orang lain.

PROGRAM SANTUNAN ANAK-ANAK YATIM

Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Nur Faathinah Mohd Roshdan

Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



REMBAU 28 April 2022 6 Petang; Program menyantuni anak-anak yatim telah diadakan di Rumah Kanak-Kanak Rembau pada bulan Ramadhan 1443H dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Rembau dan pensyarah-pensyarah UiTM Rembau diketuai oleh Suhaila Sharil dan Nur Faathinah Mohd Roshdan. Program yang setiap tahun diadakan ini telah memperkenalkan IKRAM Rembau yang baru sahaja ditubuhkan kepada masyarakat setempat. Program ini telah mendapat maklumbalas positif daripada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sangat berterima kasih di atas program yang dianjurkan.

Program menyantuni anak-anak yatim ini dimulakan dengan sesi perkenalan daripada Pihak Pentadbiran Rumah Kanak-Kanak Rembau. Difahamkan terdapat pelbagai kategori kanak-kanak yang berada di Rumah Kanak-Kanak Rembau antaranya ialah kanak-kanak yang didera dari aspek fizikal, emosi, pengabaian dalam pengawasan dan pengawalan daripada pihak ibu bapa maupun penjaga, kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti mengemis menjadi mangsa jenayah diperguna bagi tujuan mengemis dan di antaranya juga adalah golongan kanak-kanak yatim. Tepat Jam 6 Petang sebanyak 155 paket makanan berat beserta nasi berlaukkan daging telah tiba di Rumah Kanak-Kanak Rembau. Makanan tersebut telah dimasak oleh keluarga Muhammad Shufri yang terletak di Cheras. Selain daripada makanan, pihak IKRAM Rembau juga telah memberikan montaj video salam perkenalan daripada Ketua Wanita IKRAM Rembau Ustazah Rohaida binti Awang Nik dan Ahli Jawatankuasa IKRAM Rembau iaitu Nurul Najihah Binti Nor Mohamed untuk disampaikan kepada Pengetua Rumah Kanak-Kanak Rembau iaitu Pn Nor' Ashikin binti Abdul Razak.



Antara cadangan daripada Rumah Kanak-Kanak Rembau adalah supaya Pertubuhan IKRAM Rembau berkolaborasi dengan mereka dalam apa jua bentuk program yang boleh dilibatkan oleh kanak-kanak daripada usia 13 tahun sehingga 16 tahun kerana Rumah Kanak-Kanak Rembau sangat memerlukan program yang dapat membantu untuk mendidik serta membuat aktiviti bersama penghuninya. Sekiranya memerlukan pengangkutan Rumah Kanak-Kanak Rembau turut mempunyai bas dan van yang boleh membawa kanak-kanak tersebut ke tempat program. Justeru usaha sama untuk melestarikan masyarakat adalah sangat penting dalam mendepani Teknologi Maklumat dan Komunikasi seiring dengan pembelajaran serta peningkatan kehidupan mereka. Pihak IKRAM Rembau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat di dalam program menyantuni kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Rembau. Puasa menyeru kita memberi makan orang yang kelaparan, memberi sebahagian rezeki kepada orang miskin dan melindungi orang fakir. Maka bulan Ramadhan menjadi kesempatan bagi orang-orang yang gemar bersedekah, suka memberi dan dermawan untuk merebut peluang yang ada agar diterima amalan disisiNYA.



Selain itu, pada hari yang sama juga sumbangan sebanyak RM600 turut diagihkan kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin (PEYAKIN) Negeri Sembilan yang terletak di Taman Desa Permai Kundur. Sumbangan disampaikan oleh Saudara Muhammad Syufri Zainal Abidin kepada Encik Omar yang merupakan Pengasas PEYAKIN.

Pihak PEYAKIN sangat berterima kasih di atas sumbangan yang diberikan kepada anak-anak yatim seramai 30 orang. Difahamkan selepas ini PEYAKIN mencadangkan agar pada waktu Bulan Ramadhan, penyumbang-penyumbang budiman tidak memberikan sumbangan dalam bentuk makanan kerana mereka telah mendapat jemputan-jemputan berbuka Puasa di Hotel setiap kali Ramadhan. Justeru, PEYAKIN berharap agar sumbangan tersebut dijadikan sebagai sumbangan berbentuk pakaian seragam agar mereka boleh menggunakan setiap kali program atau jemputan.



Di samping itu, sumbangan juga turut disampaikan kepada Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan (PAYDA) yang terletak di Seremban sebanyak RM600 kepada Puan Ruzita Aziz. Seramai 21 orang pelajar lelaki dan perempuan yang ditempatkan di rumah anak yatim tersebut. Alhamdulillah, dengan kedatangan Bulan Ramadhan yang penuh keberkatan, didoakan semoga semua penyumbang mendapat ganjaran dan pahala dengan kebaikan-kebaikan yang dilakukan. Skop sedekah Amalan bersedekah di bulan Ramadan ini tidak tertumpu kepada wang semata-mata bahkan meliputi banyak perkara antaranya memberi makan orang berbuka puasa. Maka ganjaran pahala bagi mereka yang memberi makan orang berbuka puasa adalah sangat besar iaitu menyamai pahala orang diberi makan tersebut walaupun hanya dengan sebiji kurma sahaja.

Baginda Nabi SAW bersabda maksudnya:

"Siapa yang memberi makan (saat berbuka) untuk orang yang puasa, maka dia mendapat pahala seperti pahala orang yang diberi makannya itu tanpa dikurangi sedikitpun dari pahalanya".

(Hadis Riwayat At-Tirmizy, An-Nasai, Ibnu Majah, Ibnu Hibban dan Ibnu Khuzaemah)



Akhir sekali sumbangan sebanyak RM300 telah diberikan kepada Rumah Anak Yatim Sikamat Semoga semua sumbangan tersebut dapat membantu kanak-kanak dan memberi kegembiraan buat mereka. Ibn 'Uqbah bin Amir meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

"Setiap orang akan berada dalam naungan sedekah yang pernah dikeluarkannya pada hari kiamat hingga nasinya ditentukan bersama yang lainnya"

(Hadis Riwayat Ahmad, Ibni Hibban dan Al-Hakim).